

30 MAR 1998

Umno-Kedah

DUA KETUA BAHAGIAN GAGAL PERTAHANKAN JAWATAN DI KEDAH

ALOR SETAR, 30 Mac (Bernama) -- Hanya dua Ketua Bahagian Umno di Kedah gagal mempertahankan jawatan apabila kesemua 15 bahagian Umno di negeri ini selesai mengadakan persidangan perwakilan kelmarin.

Mereka yang tewas ialah Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim di bahagian Pokok Sena dan Badri Yunus di bahagian Merbok.

Abdul Rahman, anggota Exco kerajaan negeri tewas kepada Ketua Pemuda Umno bahagian itu Ahmad Lebai Sudin. Ahmad memperolehi 305 undi manakala Abdul Rahman 201 undi.

Sehari sebelum pertandingan itu, Ahmad juga turut meletakkan jawatan sebagai anggota Exco kerajaan negeri ekoran saranan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid yang melarang anggota Exconya yang belum memegang jawatan ketua bahagian daripada bertanding bagi jawatan itu.

Badri Yunus, anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Tanjung Dawai pula gagal mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Merbok apabila kalah kepada bekas Ketua Pemuda bahagian itu Arzmi Hamid.

Jawatan Ketua Pemuda bahagian itu pula disandang tanpa pertandingan oleh anak Perdana Menteri, Mokhzani Mahathir.

Empat lagi bahagian -- Jerlun, Kuala Kedah, Yan dan Sungai Petani -- menyaksikan pertandingan untuk jawatan Ketua Bahagian tetapi penyandangnyanya yang juga anggota Parlimen di kawasan masing-masing mengekalkan jawatan itu.

Anggota Parlimen Jerlun Datuk Hanafi Ramli mengekalkan jawatan Ketua bahagian Jerlun, Datuk Zakaria Said di Kuala Kedah, Datuk Badarudin Amiruldin di Yan dan Ibrahim Mustafa di Sungai Petani.

Mereka yang mengekalkan jawatan Ketua Bahagian tanpa pertandingan termasuk Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman (Sik), Timbalan Menteri Kewangan Datuk Affifuddin Omar (Padang Terap) dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Kadir Sheikh Fadzir (Kulim/Bandar Baharu).

Ini diikuti oleh Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Othman Abdul (Pendang), Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib (Langkawi), ADUN Alor Merah Ahmad Bashah Md Hanipah (Alor Setar), Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman (Baling) dan ADUN Kuala Ketil Hadzir Ismail (Padang Serai).

Bagi jawatan Ketua Pemuda, hanya pertandingan dua penjuru di bahagian Kuala Kedah menjadi tumpuan. Ia menyaksikan Ketua Pemuda Umno Negeri Abdul Halim Said menang dengan kelebihan tiga undi di tangan Shukor Shafie. --

BERNAMA

MAN MN NMO